

## Tun Juhar terima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang UoW

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang oleh University of Wolverhampton (UoW), United Kingdom.

Juhar, Yang Dipertua Negeri Sabah ke-10, menerima anugerah berkenaan yang disampaikan Naib Canselor UoW Prof Geoff Layer dalam majlis konvokesyen yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Majlis itu turut dihadiri isteri Juhar, Toh Puan Norlidah RM Jasni, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Muhd Harun Abdullah dan beberapa menteri kabinet negeri.

Prof Layer berkata penganugerahan itu untuk mengiktiraf dan memberi penghormatan terhadap sumbangan dan jasa Juhar dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang dan politik di Malaysia serta di persada antarabangsa.

"Kami amat berbesar hati dapat menanugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Tuan Yang Terutama berikutkan sumbangan beliau dalam bidang undang-undang dan politik dan berupaya untuk menggelarkan beliau sahabat sebenar UoW," katanya dalam ucapan sempena majlis itu.

Pada majlis itu, Juhar turut diumumkan sebagai Presiden Persatuan Alumni UoW Malaysia.

Juhar yang juga Canselor UMS sejak April 2011, dilahirkan pada 5 Nov 1953 di Pulau Tambisan dan mendapat pendidikan awal di Sandakan sebelum melanjutkan pelajaran peringkat menengah di SMK Sandakan dan Sabah College di sini.

Beliau kemudian melanjutkan pengajian sehingga memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Undang-Undang) dari Polytechnic, Wolverhampton (1980) sekarang dikenali

sebagai UoW, dan tamat pengajian pada 1977.

Pada 1980, beliau ditauliah di Lincoln Inn Bar dan adalah seorang Barrister-At-Law. Beliau kemudian pulang ke Sabah dan menyertai badan kehakiman sebagai majistret kelas pertama di Sandakan pada 1981 sebelum menyertai firma guaman swasta.

Pada 1986, karier politiknya bermula selepas beliau berkhidmat sebagai setiausaha politik kepada bekas timbalan ketua menteri, mendiang Datuk Mark Koding.

Pada 1990, beliau bertanding dan memenangi kerusi Parlimen Kinabatangan dan dilantik Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat sehingga pilihan raya 1994.

Beliau menyertai Umno pada 1990 dan mengetuai Umno Bahagian Batu Sapi selain dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri pada 2002, jawatan yang dipegangnya sehingga November 2010. - Bernama